



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PEMANTAUAN RISIKO JANGKITAN HANTAVIRUS DAN LANGKAH
KESIAPSIAGAAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum laporan media antarabangsa berhubung kejadian kluster hantavirus melibatkan sebuah kapal persiaran antarabangsa MV Hondius yang sedang mendapat perhatian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Sebanyak lapan (8) kes disyaki telah dilaporkan dengan tiga (3) kematian.

Hantavirus merupakan sejenis virus zoonotik yang lazimnya disebarkan melalui pendedahan kepada air kencing, najis atau air liur tikus yang dijangkiti, terutamanya melalui partikel tercemar di udara. Kebanyakan jangkitan berlaku secara sporadik dan berkait dengan persekitaran yang mempunyai infestasi tikus. Penularan daripada manusia kepada manusia adalah amat jarang berlaku dan hanya dikaitkan dengan strain tertentu seperti Andes virus di Amerika Selatan.

KKM ingin menegaskan bahawa sehingga kini, **TIADA** kes hantavirus dilaporkan di Malaysia. Risiko kepada orang awam di Malaysia pada masa ini adalah rendah. Walau bagaimanapun, KKM sentiasa memperkukuh kesiapsiagaan dan pemantauan susulan perkembangan situasi global semasa melalui mekanisme *International Health*

Regulations (IHR 2005) dan rangkaian amaran kesihatan antarabangsa WHO.

Bagi memastikan kesiapsiagaan negara menghadapi ancaman kemasukan penyakit berjangkit tersebut, KKM sedang melaksanakan langkah-langkah berikut:

- i. Pemantauan situasi antarabangsa secara berterusan melalui WHO, *International Health Regulations (IHR) National Focal Point*, dan rangkaian amaran kesihatan global;
- ii. Pemeriksaan dan pemantauan sanitasi kapal serta pengesanan infestasi tikus di pelabuhan antarabangsa melalui pelaksanaan langkah kawalan di bawah IHR 2005;
- iii. Pengukuhan pemantauan di semua Pintu Masuk Antarabangsa;
- iv. Pengukuhan kesiapsiagaan fasiliti kesihatan bagi pengesanan awal, notifikasi, dan pengurusan kes sekiranya terdapat pesakit disyaki;
- v. Pengukuhan kapasiti makmal bagi menjalankan ujian pengesanan strain baru termasuk Andes Virus (ANDV). Pada masa ini, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) telah menjalankan ujian pengesanan bagi jangkitan Hantavirus dengan purata permintaan tahunan adalah 20-30 sampel namun sehingga kini keputusan ujian adalah negative Hantavirus.
- vi. Peningkatan aktiviti surveilans penyakit berjangkit dan *Event-Based Surveillance* (EBS) bagi mengesan sebarang kejadian luar biasa dengan segera;
- vii. Kerjasama rentas agensi termasuk Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS), Jabatan Perkhidmatan Veterinar,

dan pihak berkuasa tempatan dalam aspek kawalan vektor dan kebersihan persekitaran.

Bermula 1 Januari hingga 2 Mei 2026, sebanyak 22,367 kapal dan bot telah diperiksa di pintu masuk antarabangsa seluruh negara melibatkan pelbagai pelabuhan utama. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 2,421 sijil pratique dan 1,146 Ship Sanitation Certificate (SSC) telah dikeluarkan bagi memastikan kapal yang memasuki negara mematuhi keperluan kesihatan awam, sanitasi dan kawalan infestasi selaras dengan Peraturan Kesihatan Antarabangsa (IHR 2005).

KKM menasihatkan orang ramai agar sentiasa mengamalkan langkah pencegahan berikut:

- i. Mengelakkan kontak langsung dengan tikus, najis atau air kencing tikus;
- ii. Menggunakan sarung tangan dan pelitup muka semasa membersihkan kawasan yang tercemar dengan najis tikus;
- iii. Tidak menyapu atau memvakum najis tikus secara terus kerana boleh menyebabkan partikel tercemar tersebar ke udara; dan
- iv. Mendapatkan rawatan segera sekiranya mengalami gejala seperti demam, sakit otot, batuk atau sesak nafas selepas terdedah kepada persekitaran berisiko.

KKM akan terus memantau perkembangan situasi semasa dan sebarang maklumat lanjut akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

8 MEI 2026

